

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 27 JULAI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT :<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/980773/kos-tanam-semula-sawit-rm18000-sehektar>

### **Kos tanam semula sawit RM18,000 sehektar**



*Foto hiasan - FAIL NSTP*

KUALA LUMPUR: Peneroka perlu menanggung kos RM18,000 bagi satu hektar untuk penanaman semula sawit yang menjadi antara faktor golongan itu dibebani hutang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata jumlah itu meningkat hampir 30 peratus berbanding RM14,000 sebelum ini.

"Seorang peneroka membayar antara RM250 hingga RM300. Kalau mereka bersama FELDA, bagi penanaman sawit, mereka cuma bayar RM250 tapi jika tak bersama FELDA, mereka kena bayar RM300 sebulan.

"Kos yang ditanggung untuk penanaman semula sekarang ialah RM18,000 untuk sehektar bagi sawit berbanding RM14,000 dulu, manakala tanaman getah pula ialah RM13,710," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin) yang mahu kerajaan menyatakan jumlah hutang ditanggung peneroka jika mereka menyertai program penanaman semula bersama FELDA.

Mustapa berkata, bantuan pinjaman kepada peneroka ketika ini tidak lagi diberi secara automatik, sebaliknya perlu mengemukakan permohonan.

:Kalau dahulu hutang ini ataupun bantuan pinjaman diberikan hampir secara automatik dan kelayakan hutangnya ada enam tahun, lapan tahun, sekarang empat tahun sahaja.

"Inilah langkah diambil untuk kurangkan beban peneroka. Sekarang ini (bantuan pinjaman) bukan lagi automatik, mereka perlu memohon," katanya.

Menjawab soalan asal Hasan berhubung jumlah peneroka FELDA yang mengusahakan tanam semula secara individu, Mustapa berkata, seramai 17,304 daripada 112,638 peneroka FELDA berbuat demikian.

Katanya, jumlah peneroka yang mengusahakan tanam semula bersama FELDA adalah 84.6 peratus.

"Daripada sejumlah 17,304 peneroka yang tanam semula secara individu, seramai 8,501 peneroka menghantar hasil melalui 'paysheet' FELDA iaitu 49.1 peratus manakala 50.9 peratus peneroka menghantar hasil mereka kepada peraih luar," katanya.

Mustapa berkata, faktor yang mendorong peneroka mengurus tanam semula secara individu antaranya kerana tidak ingin berkongsi pendapatan secara blok atau secara peringkat.

"Selain itu, faktor lain ialah isu pewarisan dan tiada kesepakatan waris untuk urus kebun, ingin berdikari dan berpandangan mampu untuk urus kebun, isu kekurangan buruh di ladang serta faktor anak peneroka yang kembali ke FELDA untuk menguruskan kebun," katanya.